

LKM Sasar Nilai Eksport Koko Meningkatkan Tahun Ini

Tarikh kemaskini: 13/09/2017



Buah koko - gambar hiasanBAGAN DATUK, 13 Sept (Bernama) -- Lembaga Koko Malaysia (LKM) menasaskan nilai eksport koko negara tahun ini mengatasi nilai eksport tahun lepas sebanyak RM5.8 bilion.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur berkata, industri koko merupakan penyumbang keempat terbesar kepada nilai eksport komoditi utama pada tahun lalu selepas kelapa sawit, getah dan perkayuan di mana ia meningkat 14 peratus kepada RM5.74 bilion berbanding RM5.02 bilion pada 2015.

"Peningkatan ini membuktikan walaupun industri koko mengalami pelbagai cabaran, terutama penurunan keluasan dan pengeluaran biji koko, namun kita dapat meningkatkan hasil eksport tahun lalu.

"Malah penyumbang utama kepada pendapatan eksport koko terdiri daripada produk hiliran iaitu lemak koko dan serbuk koko yang menyumbangkan RM3.4 bilion atau 58.9 peratus daripada jumlah keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan bengkel selama tiga hari pemantapan C-Team 2.0 yang disertai hampir 100 peserta dan lafaz serta menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Lembaga Koko Malaysia di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko Bagan Datuk di sini, hari ini.

Pada majlis itu pengarah bahagian dan pengurus pusat LKM dari seluruh negara menandatangani IBR sambil disaksikan Ketua Pengarah LKM, Datin Norhaini Udin dan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Nooraziah Abd Manaf dan Datu Nasrun.

Menurut Datu Nasrun, Malaysia kini merupakan negara pengisar ke lapan terbesar di dunia namun industri pengisaran tempatan masih bergantung kepada bekalan biji koko yang diimport.

"Sehubungan itu, usaha untuk mempergiatkan perluasan tanaman dan pengeluaran koko perlu dilaksanakan dengan berkesan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap biji koko yang diimport," katanya.

Beliau berkata, destinasi eksport utama koko Malaysia ialah pasaran Asia seperti Jepun, China, serta Timur Tengah.

Menurut Datu Nasrun, LKM sedang giat membangunkan projek Kluster Koko di tiga kawasan iaitu di Ranau, Sabah, Kota Samarahan, Sarawak dan Lingkaran Koko Pahang yang merangkumi daerah Raub, Kuala Lipis dan Jerantut.

Jelasnya projek itu melibatkan pengusaha dalam setiap rantai nilai pengeluaran dan pemprosesan koko sehingga produk akhir sebagai usaha untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup pengusaha koko.

Menyentuh mengenai majlis itu, Datu Nasrun percaya Bengkel C-Team yang bermula pada hari ini merupakan strategi bagi mengukuhkan sektor hulu untuk meningkatkan pengeluaran sedia ada.

"Saya berpendapat penubuhan C-Team ini merupakan satu strategi yang baik dan memberi impak positif terhadap peningkatan pengeluaran serta meningkatkan pendapatan petani koko," katanya.

Justeru itu, katanya, strategi kerjasama secara terus dengan petani koko yang aktif adalah strategi yang efektif kerana ianya memberi tumpuan kepada penyelesaian khusus setiap kebun koko dan setiap petani disamping akan memberi motivasi yang lebih baik kepada petani.

Pada 2016, C-Team atau Cocoa Team telah diwujudkan sebagai salah satu 'perubah' untuk mengatasi masalah penurunan pengeluaran biji koko kering.

-- BERNAMA